

OPERASI PENJAJA DI STESEN MINYAK MRR2

#KENYATAAN_MEDIA

SELAYANG, 28 Februari 2020 - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah menjalankan operasi sitaan terhadap penjaja yang menjalankan perniagaan di hadapan stesen minyak di jalan MRR2, Gombak.

Tindakan penguatkuasaan diambil kerana kawasan tersebut adalah kawasan yang dilarang berniaga kerana membahayakan keselamatan pengguna jalanraya, menimbulkan kesesakan di samping menimbulkan imej yang buruk.

Dalam operasi ini, anggota penguatkuasa telah mengambil tindakan menyita tiga unit khemah, dua unit kaki meja lipat, dua unit papan meja, satu unit tong gas, satu unit kerusi dan peralatan lain yang membabitkan 3 penjaja.

Tindakan sitaan ini dibuat selaras dengan Seksyen 3, Undang-Undang Kecil Penjaja (MPS) 2007 atas kesalahan berniaga tanpa lesen penjaja dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 atas kesalahan halangan tred.

MPS seterusnya ingin mengingatkan bahawa pemantauan berterusan akan dilaksanakan dan tindakan tegas akan dikenakan kepada semua penjaja yang tidak mempunyai lesen dan menyebabkan kesesakan lalu lintas disebabkan tindakan kenderaan yang berhenti untuk membeli di laluan berkenaan sehingga boleh mengundang bahaya.

#selayangkusayang
#perbandaranlestari

